

# Keputusan tidak benarkan Chin Peng pulang ke Malaysia muktamad — TPM

UM - 8 OCT 2003

KEPALA BATAS 7 Okt. — Keputusan kerajaan tidak membenarkan bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng balik ke Malaysia adalah muktamad, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak akan melayan sebarang isu yang cuba ditimbulkan oleh pihak tertentu yang memperjuangkan kepulangan Chin Peng termasuk kononnya dia seorang nasionalis.

“Keputusan yang dibuat adalah muktamad. Saya tidak mahu berdebat mengenai perkara itu,”

katanya kepada pemberita selepas melawat tujuh pusat penempatan banjir di Seberang Perai Utara (SPU) di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai tindakan pihak tertentu yang cuba mengubah fakta sejarah dengan mendakwa perjuangan komunis oleh Chin Peng dan pengikutnya bercirikan nasionalis.

Sedangkan, realiti sebenar matlamat PKM adalah untuk melancarkan gerakan menggulingkan kerajaan yang antaranya telah membunuh pegawai dan anggota polis, kebanyakannya dari cawangan khas termasuk

Ketua Polis Negara, Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim.

Mangsa kekejaman PKM meliputi kebanyakan rakyat negara ini termasuk dari kalangan kaum Cina.

Ahad lalu, Abdullah menegaskan, kebenaran tidak diberikan kepada Chin Peng untuk balik ke negara ini kerana pemimpin PKM itu masih terikat dalam satu organisasi yang diharamkan yang mengikut sejarahnya terlibat dalam keganasan.

Pendirian itu dikeluarkan berikutan kenyataan Pengerusi

DAP, Lim Kit Siang pada Jumat lepas yang meminta Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membenarkan Chin Peng kembali sebelum beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri akhir bulan ini.

Pelbagai pihak di negara ini termasuk pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Bekas Tentera dan Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia serta parti-parti politik seperti UMNO juga berpandangan Chin Peng tidak wajar dibenarkan pulang.